

# Ekonomi kukuh, BNM kekalkan OPR 2.75 peratus

**Bank Negara Malaysia (BNM)** mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) pada 2.75 peratus dalam mesyuarat terakhir Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC) bagi 2025, selaras perkembangan terkini ekonomi Malaysia yang menunjukkan pertumbuhan pada suku ketiga yang lebih baik daripada jangkaan.

Bank pusat itu dalam satu kenyataan berkata, keputusan itu dibuat berdasarkan permintaan dalam negeri yang berterusan positif, eksport elektrik dan elektronik (E&E) yang berdaya tahan serta pengeluaran komoditi yang kembali pulih.

“Pada tahap OPR semasa, MPC berpendapat bahawa pendirian dasar monetari adalah wajar dan memberikan sokongan terhadap ekonomi dalam keadaan harga yang stabil. MPC akan terus memantau perkembangan semasa dan menilai imbalan risiko berhubung dengan prospek pertumbuhan dan

inflasi dalam negeri,” katanya.

BNM berkata, penunjuk terkini juga menunjukkan pengembaikan yang berterusan dalam pertumbuhan global.

Menurutnya, walaupun kesan tarif yang lebih tinggi akan terus mempengaruhi pertumbuhan global, prospek pertumbuhan akan terus disokong oleh keadaan pasaran pekerja yang berdaya tahan, inflasi yang semakin menurun, dasar monetari yang kurang ketat dan dasar fiskal yang memberikan sokongan.

“Penyelesaian lebih banyak rundingan perdagangan telah sedikit sebanyak meredakan ketidakpastian global. Pertumbuhan kekal berisiko menjadi perlahan disebabkan oleh kemungkinan tarif yang lebih tinggi, terutamanya tarif yang khusus bagi produk, serta ketegangan geopolitik yang semakin meruncing.

“Selain itu, terdapat kebimbangan mengenai penilaian dalam pasaran kewangan yang

kekal tinggi. Pertumbuhan berpotensi menjadi pesat berikutan kesan tarif yang lebih sederhana terhadap kegiatan ekonomi serta dasar yang menyokong pertumbuhan di negara maju,” katanya.

## Sokong pertumbuhan

Pada masa hadapan, bank pusat berkata, permintaan dalam negeri yang berdaya tahan akan terus menyokong pertumbuhan menjelang tahun hadapan.

“Guna tenaga, pertumbuhan upah serta langkah dasar berkaitan pendapatan akan kekal menyokong perbelanjaan isi rumah.

“Pengembangan aktiviti pelaburan akan didorong oleh kemajuan projek berbilang tahun yang dilaksanakan dalam sektor swasta dan awam, lebih banyak pelaksanaan berterusan pelaburan yang telah diluluskan, serta inisiatif pemangkin yang terus dilaksanakan di

bawah beberapa pelan induk nasional dan Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13),” katanya.

Langkah di bawah Belanjawan 2026 juga, kata BNM, akan memberikan sokongan kepada pertumbuhan.

“Namun, prospek pertumbuhan ini kekal tertakluk pada ketidakpastian, khususnya berhubung dengan perkembangan global.

“Risiko prospek pertumbuhan menjadi perlahan kekal berpunca daripada perdagangan global yang lebih perlahan, sentimen yang lebih lemah serta pengeluaran komoditi yang lebih rendah daripada jangkaan.

“Sementara itu, potensi pertumbuhan menjadi pesat boleh berpunca daripada prospek pertumbuhan global yang lebih baik, permintaan terhadap barangan E&E yang lebih kukuh dan aktiviti pelancongan yang giat,” katanya.

Berhubung inflasi, BNM ber-

kata, sejak awal tahun sehingga kini, inflasi keseluruhan dan inflasi teras masing-masing berada pada paras purata sebanyak 1.4 peratus dan 1.9 peratus.

“Pada masa hadapan, inflasi keseluruhan dijangka kekal sederhana pada 2026 berikutan keadaan kos global yang terus reda.

“Harga komoditi global juga dijangka kekal sederhana, menyumbang kepada keadaan kos dalam negeri yang terkawal,” katanya.

Sementara itu, inflasi teras pada 2026 dijangka kekal stabil dan hampir dengan purata jangka panjangnya, mencerminkan pengembangan berterusan dalam kegiatan ekonomi serta ketiadaan tekanan permintaan yang berlebihan.

“Dalam persekitaran ini, kesan keseluruhan langkah pembaharuan dasar dalam negeri yang telah dilaksanakan terhadap inflasi pada tahun depan dijangka terhad,” katanya.